

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
IBU PEJABAT, JABATAN LAUT SEMENANJUNG  
MALAYSIA, PELABUHAN KLANG.

OLEH :

SALWA BINTI YUSOP  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2005

2540

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

1100039941

LI 68 FPE 2 2005



1100039941

Laporan akhir Latihan Industri di Ibu Pejabat, Jabatan Laut  
Semenanjung Malaysia, Pelabuhan Kelang / Salwa Yusop.



**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

<b>1100039941</b>		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI  
68  
FPE  
2  
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
IBU PEJABAT, JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA,  
PELABUHAN KLANG.**

Oleh

**SALWA BINTI YUSOP**  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Maritim)

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**


2005

1100039941

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Salwa binti Yusop (UK 8337) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,




---

Nama : **Salwa binti Yusop**

Tarikh : 25 November 2005

Disahkan oleh :



---

(**Cik Nor Suriyati binti Othman**)

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, pelatih ingin memanjatkan kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya, Laporan Latihan Industri yang merupakan salah satu syarat bergraduat ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia KUSTEM pelatih iaitu Cik Nor Suriyati binti Othman kerana telah memberikan tunjuk ajar, panduan, dan nasihat di sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri dan juga semasa proses penyediaan laporan ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada En. Md. Ridzuan b. Mukhtar (Ketua Penolong Pengarah, Unit Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik, Bahagian Dasar dan Perkhidmatan Korporat), Penyelia Jabatan iaitu Puan Hajah Hairani binti Ibrahim, En. Khairuddin bin Abbas (Ketua Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia), Kapten Mohamad Halim bin Ahmed (Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Pelaut), dan semua kakitangan di Bahagian Dasar dan Perkhidmatan Korporat, Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan, Bahagian Keselamatan Pelayaran, dan Bahagian Kawalan Industri. Sesungguhnya, segala tunjuk ajar, bimbingan, dan bantuan yang telah diberikan oleh kalian amat

bermakna bagi pelatih dalam mencapai misi dan objektif latihan industri ini.

Kepada keluarga yang dikasihi, jutaan terima kasih kerana memahami dan juga sentiasa memberi sokongan, dorongan, serta nasihat tanpa jemu kepada pelatih.

Akhir kata, mudah-mudahan segala bimbingan, panduan, dan nasihat yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung ketika pelatih menjalani latihan industri dan semasa proses menyediakan laporan ini dapat dimanfaatkan dan digunakan oleh pelatih untuk menempuhi alam pekerjaan dan masa depan kelak. Semoga Allah S.W.T membalas segala jasa kalian, Insya-Allah.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
PENGHARGAAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI CARTA ALIR	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix

### **BAB SATU: LATAR BELAKANG ORGANISASI**

1.1	Sejarah penubuhan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	1
1.2	Pengenalan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	2
	1.2.1 Logo Jabatan Laut Malaysia	4
	1.2.2 Visi Jabatan Laut Malaysia	4
	1.2.3 Misi Jabatan Laut Malaysia	4
1.3	Objektif Jabatan Laut Malaysia	5
1.4	Dasar Kualiti Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	5
1.5	Piagam Pelanggan Semenanjung Malaysia	5
1.6	Carta Organisasi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	8
1.7	Aktiviti Organisasi	9
	1.7.1 Bahagian Dasar dan Perkhidmatan Korporat	9
	1.7.2 Bahagian Kawalan Industri	10
	1.7.3 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan	10
	1.7.4 Bahagian Keselamatan Pelayaran	11

1.8	Kemahiran yang Ingin Dipelajari oleh Pelatih	11
-----	--	----

**BAB DUA: PENGENALPASTIAN MASALAH, CADANGAN  
PENYELESAIAN, PELAKSANAAN CADANGAN  
DAN IMPLIKASI.**

2.1	Sistem Kerja di Unit Pembangunan Pelaut, Bahagian Hal Ehwal Pelaut	13
2.1.1	Sistem Perakuan Pengiktirafan/ <i>Certificate Of Recognition (COR)</i>	13
2.1.2	Mengenal Pasti Masalah	19
2.1.3	Cadangan Penyelesaian	22
2.1.4	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	26
2.2	Sistem Kerja di Unit Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Industri.	27
2.2.1	Sistem Urusan Pemeriksaan Kawalan <i>Port State Dan Flag State</i> serta Bot-Bot Berlesen	27
2.2.2	Mengenal Pasti Masalah	30
2.2.3	Cadangan Penyelesaian	31
2.2.4	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	35
2.3	Sistem Kerja di Unit Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Industri.	36
2.3.1	Sistem Penyelarasan Penyiasatan Kesalahan	36



di Bawah *Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952.*

2.3.2	Mengenal Pasti Masalah	41
2.3.3	Cadangan Penyelesaian	42
2.3.4	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	45
<b>BAB TIGA: PENUTUP</b>		<b>46</b>
3.1	Kesimpulan	
<b>RUJUKAN</b>		<b>49</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>51</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
Rajah 1.1: Logo Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	4
Rajah 1.2: Carta Organisasi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	8

## SENARAI CARTA ALIR

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
Carta alir 1.1: Carta alir sedia ada - Sistem Perakuan Pengiktirafan (COR)	16
Carta alir 1.2: Cadangan carta alir - Sistem Perakuan Pengiktirafan (COR)	25
Carta alir 1.3: Carta alir sedia ada – Sistem Urusan Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan & Bendera Kapal-Kapal Konvensi & Bukan Konvensi serta Bot-Bot Berlesen	28
Carta alir 1.4: Cadangan carta alir - Sistem Urusan Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan & Bendera Kapal-Kapal Konvensi & Bukan Konvensi serta Bot-Bot Berlesen	34
Carta alir 1.5: Carta alir sedia ada - Penyelarasan Penyiasatan Kesalahan di Bawah <i>Merchant Shipping Ordinance</i> (MSO) 1952	38
Carta alir 1.6: Cadangan carta alir - Penyelarasan Penyiasatan Kesalahan di Bawah <i>Merchant Shipping Ordinance</i> (MSO) 1952	44

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia adalah sebuah badan kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Jabatan ini ditubuhkan untuk menentukan satu sistem yang selamat dan konservansi laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti. Sepanjang tempoh tiga bulan menjalani latihan industri, atas inisiatif sendiri, pelatih telah memohon untuk ditempatkan di kesemua bahagian iaitu Bahagian Dasar dan Perkhidmatan Korporat, Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan, Bahagian Keselamatan Pelayaran, dan Bahagian Kawalan Industri. Tujuan utama pelatih adalah untuk mengenal pasti sistem kerja yang sedia ada, mencari permasalahan atau kelemahan sistem tersebut, dan memberi cadangan dan pendapat untuk memperbaiki kelemahan sistem tersebut. Selain itu, pelatih juga ingin mengetahui dan melibatkan diri dengan kerja dan aktiviti-aktiviti yang terdapat pada setiap bahagian di Ibu Pejabat Laut ini. Terdapat tiga penemuan yang dapat dikesan oleh pelatih selama menjalani latihan industri di sini. Penemuan pertama adalah berkenaan dengan sistem kerja untuk *Certificate of Recognition* (COR). Sistem ini adalah di bawah Unit Pembangunan Pelaut, Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan. Sistem ini menunjukkan bagaimana proses pengeluaran COR dilakukan yang bermula dari Pejabat Wilayah ke Ibu Pejabat dan kemudian ke Pejabat Wilayah semula. Masalah yang kerap berlaku menyebabkan proses pengeluaran ini menjadi lambat dan tidak efisien. Penemuan yang kedua adalah di Unit Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Industri. Ianya berkenaan dengan sistem kerja untuk urusan pemeriksaan kawalan negara pelabuhan dan bendera kapal-kapal konvensi dan bukan konvensi serta bot-bot berlesen. Sistem ini menunjukkan bagaimana proses pemeriksaan dirancang dan dilaksanakan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian. Masalah yang timbul adalah disebabkan oleh proses keputusan pemeriksaan yang lambat dan juga kekurangan kakitangan. Penemuan yang ketiga juga dari Unit Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Industri. Sistem kerja untuk penyelarasan penyiasatan kesalahan di bawah *Merchant Shipping Ordinance* (MSO) 1952 ini merujuk kepada bagaimana proses penyiasatan dilakukan bermula dari pengeluaran arahan daripada Pengarah Bahagian sehingga ke tindakan Pegawai Laut atau Penolong Pegawai Laut dalam melaksanakan arahan seperti yang diulas oleh Penasihat Undang-Undang. Beliau yang menetapkan sama ada kesalahan tersebut perlu didakwa di mahkamah, dikenakan kompaun atau penalti, atau penyiasatan semula.